

Kempen Ria Super Referrer (“Kempen”)

(A) Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini adalah sebahagian daripada Program Rujukan Ria, program berterusan yang dianjurkan oleh ASNB, yang bermula pada 15 Julai 2024 (“Program Berterusan”). Objektif utama Kempen ini adalah untuk memberi insentif dan ganjaran kepada *Referrer* (seperti yang didefinisikan selepas ini) yang merujuk *Referee* (seperti yang didefinisikan selepas ini) kepada Program Berterusan. Setiap bulan, *Referrer* dengan bilangan Rujukan Berjaya yang tertinggi akan diiktiraf dan diberi ganjaran sebagai perujuk tertinggi (“Perujuk Tertinggi”). Untuk maklumat lanjut berkenaan Program Berterusan, sila rujuk [Terma dan Syarat Program Rujukan Ria](#) yang berasingan.
3. Kempen ini akan bermula pada jam 00:00 (GMT +8) pada 1 Mac 2025 dan akan berakhir pada jam 23:59 (GMT +8) pada 30 Mac 2026 (“Tempoh Kempen”).
4. ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Kempen mengikut budi bicara mutlakanya
5. Terminologi:
 - 5.1. *Ria: Robo Investment Advisor*, satu ciri dalam aplikasi myASNB oleh ASNB, terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun.
 - 5.2. *Referrer*: Mana-mana pengguna Ria, termasuk pekerja Kumpulan PNB (seperti yang didefinisikan selepas ini), yang mempunyai akaun Ria dan melabur dalam mana-mana Portfolio (seperti yang didefinisikan selepas ini) dengan pelaburan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) sahaja dalam satu transaksi.
 - 5.3. *Referee*: Mana-mana pengguna baharu Ria yang membuka akaun Ria dan melabur dalam mana-mana Portfolio, setelah dirujuk oleh *Referrer* menggunakan Kod

Rujukan *Referrer* (seperti yang didefinisikan selepas ini), dengan pelaburan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) sahaja dalam satu transaksi.

- 5.4. Kod Rujukan: Satu set simbol *alphanumeric* atau frasa unik yang mengenal pasti individu yang menyertai Kempen ini.
- 5.5. Rujukan Berjaya: Satu rujukan dianggap berjaya apabila *Referrer* melengkapkan proses pendaftaran, berkongsi Kod Rujukan, dan mengekalkan pelaburan sebagai aktif sepanjang Tempoh Kempen. *Referee* mestilah berjaya mendaftar menggunakan Kod Rujukan yang diberikan oleh *Referrer*, membuat deposit pelaburan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) dalam satu transaksi, dan mengekalkan jumlah pelaburan tersebut selama tiga puluh (30) hari bekerja tanpa membuat sebarang pengeluaran.

6. Kelayakan:

- 6.1. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, termasuk pengguna sedia ada dan baru bagi Ria, termasuklah semua kakitangan dan ahli keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada pekerja Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) dan kumpulan syarikatnya ("Kumpulan PNB") ("Peserta").
- 6.2. Peserta mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) Portfolio aktif dalam Ria untuk layak menyertai Kempen ini.
- 6.3. Peserta hendaklah berkongsi Kod Rujukan mereka dengan potensi *Referee*.

7. Senarai enam (6) portfolio-portfolio Ria adalah seperti berikut:

- 7.1. Sangat Konservatif;
- 7.2. Sederhana Konservatif;
- 7.3. Sederhana;
- 7.4. Sederhana Agresif;
- 7.5. Agresif; dan
- 7.6. Sangat Agresif,

(secara kolektif, "Portfolio-Portfolio", dan setiap satu, "Portfolio").

8. Struktur Ganjaran:

8.1. Ganjaran yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah berdasarkan bilangan Rujukan Berjaya yang dibuat oleh Referrer sepanjang Tempoh Kempen. Ganjaran untuk Perujuk Tertinggi adalah seperti berikut (“Ganjaran”):

Tahap	Peringkat	Jumlah Ganjaran (TNG PIN)
1	Perujuk Pertama Tertinggi	RM1,000.00
2	Perujuk Kedua Tertinggi	RM800.00
3	Perujuk 3-5 Tertinggi	RM600.00
4	Perujuk 6-10 Tertinggi	RM400.00
5	Perujuk 11-20 Tertinggi	RM300.00

8.2. Perujuk Tertinggi akan dipilih dan diberi Ganjaran setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen. Setiap pemenang baru akan dipilih pada setiap akhir bulan kalendar, berdasarkan bilangan Rujukan Berjaya yang paling banyak dilakukan oleh *Referrer* dalam bulan tersebut.

8.3. Ganjaran akan dimaklumkan kepada pemenang melalui alamat e-mel berdaftar mereka atau melalui panggilan telefon dalam masa sepuluh (10) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum Wilayah Persekutuan) selepas tamat Tempoh Kempen setiap bulan.

(B) Terma dan Syarat Lain

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNBN untuk:

1.1. mengumpul, menyimpan, memproses, dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada ASNBN semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, (“Data Peribadi”) mengikut polisi privasi ASNBN yang dinyatakan di laman web rasmi ASNBN di www.asnb.com.my; dan

- 1.2. menzahir dan berkongsi Data Peribadi di kalangan Kumpulan PNB, ejen yang diberi kuasa, dan pembekal perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menyimpan Data Peribadi tersebut secara sulit) bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan serta perkhidmatan berkaitan yang lain dan bagi tujuan lain menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa sebarang kos atau pampasan.
2. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan Ganjaran dan Kempen ini.
3. Setakat mana yang diperuntukkan oleh undang-undang, ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini.
4. ASNB tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak memenuhi kelayakan dan kriteria atau gagal untuk mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen ini atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen ini.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
7. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk dengan sebarang pindaan, penghapusan atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini

yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.

8. Sebarang keputusan oleh ASNBN bagi senarai pemenang Kempen ini yang layak menerima Ganjaran adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
9. Sekiranya pemenang bagi Kempen ini tidak memberi maklum balas/gagal dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNBN melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, pihak ASNBN berhak untuk membatalkan Ganjaran tersebut.
10. ASNBN berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan ganjaran lain yang setaraf nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlak.
11. Penyertaan dalam Kempen ini adalah tidak tertakluk kepada ganjaran yang tersedia untuk Peserta melalui aktiviti di lapangan, sekiranya ada.
12. Terma dan syarat ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
13. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara dua (2) versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.